

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 AUGUST 2016

# Pembangunan semula kampung Orang Asli jadi realiti: Najib

BH-28/8/2016

→ Penempatan musnah dalam tragedi tanah runtuh siap dengan kos RM50 juta

**Fakta nombor**

**152** UNIT rumah dibina

**26.3** HEKTAR keluasan kawasan pembangunan

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Shaarani Ismail  
bhnews@bh.com.my

► Cameron Highlands

**D**atuk Seri Najib Razak meluahkan rasa gembira selepas melihat pembangunan semula Perkampungan Orang Asli Sungai Ruil dengan kos RM50 juta menjadi realiti selepas penempatan itu musnah dalam tragedi tanah runtuh pada 7 Ogos 2011.

Perdana Menteri yang menghabiskan kira-kira setengah jam melawat perkampungan itu semalam, berkata

peruntukan bagi projek berkenaan diluluskan pada 2012 bagi mewujudkan penempatan moden, selesai dan serba lengkap dengan segala kemudahan.

"Hari ini kita dapat saksikan apa yang kita luluskan jadi realiti. Saya amat gembira semua keluarga yang terbabit dalam tragedi itu kini hidup dalam rumah moden yang cukup sempurna dan dapat menempa masa depan yang lebih meyakinkan," katanya.

**Dapat pembelaan**

Dalam lawatan yang turut disertai Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Orang Asli, Mohd Jamaluddin Kasbi, Najib berkata, usaha itu menunjukkan kerajaan sentiasa berusaha supaya setiap kelompok komuniti mendapat pembelaan sewajarnya.

Penduduk, Mohd Riduan Jafar, 35, yang kehilangan enam ahli keluarganya dalam tragedi mengorbankan tujuh nyawa lima tahun lalu itu, bersyukur dapat rumah baharu lebih selesa dan lengkap, selain terharu kerana Perdana Menteri sendiri turun padang bertanya khabar.

Terdahulu, Najib yang juga Presiden UMNO ketika berucap memasikkan Mesyuarat UMNO Bahagian Cameron Highlands di Tanah Rata, mengakui hatinya terubat apabila menjejakkan kaki di tanah tinggi ini selepas kali terakhir berbuat demikian 31 tahun lalu.

Beliau mengumumkan tiga projek bernilai RM20.2 juta kepada penduduk di kawasan Parlimen berkenaan, iaitu jalan baharu dari Pos Betau ke Pos Lenjang sepanjang 30 kilometer dengan peruntukan RM15 juta; baik pulih masjid di Tanjung Gahai (RM200,000) dan naik taraf gerai pasar di Tanah Rata (RM5 juta).